

DALAM KES TRIBUNAL KOPERASI T-284-2011
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, MALAYSIA

ANTARA

KAVIDAH A/P SOCKANATHAN

PEMOHON

DAN

KOPERASI WAWASAN PEKERJA-PEKERJA BERHAD (KOWAJA)

RESPONDEN

ALASAN AWARD

KEPUTUSAN SEBULAT SUARA: PUAN TAN GHEE PHAIK, Pengerusi Tribunal; TUAN ABDUL LATIB BIN TALIB, Anggota Panel SKM; dan TUAN HAJI AWI BIN AB. JALIL, Anggota Panel Koperasi

FAKTA KES

Pemohon telah memohon Pinjaman 1 dari Responden sebanyak RM42,000 dalam bulan Julai 2007. Perjanjian pinjaman yang ditandatangani di antara Pemohon dan Responden pada 19.7.2007 adalah untuk jumlah RM42,600 dan dikemukakan sebagai Lampiran 6.2 dalam Borang A. Mengikut Pegawai KOWAJA, RM600 adalah untuk kos dokumentasi dan perkhidmatan. Akan tetapi jumlah wang yang diterima oleh Pemohon hanyalah RM34,501.00.

Oleh kerana Pemohon memerlukan wang sebanyak RM42,000 maka Pemohon dinasihatkan oleh Pegawai Responden untuk membuat Pinjaman 2 sebanyak RM10,000.00. Perjanjian Pinjaman 2 ditandatangani pada 13.8.2007 dan jumlah yang tercatat adalah RM10,500.00. Sepertimana bagi Pinjaman 1 Pemohon diberitahu bahawa RM500.00 adalah untuk bayaran kos dokumentasi dan perkhidmatan. Walaupun pinjaman yang dipohon adalah RM10,000.00, Pemohon hanya menerima RM8,500.00 dari Responden.

Responden menuntut kembali jumlah sebanyak RM8,099.00 bagi Pinjaman 1 dan RM2,000.00 bagi Pinjaman 2. Jumlah sekalian adalah RM10,099.00 iaitu 19% daripada jumlah pinjaman. Dalam tuntutan di perenggan 3.10 Borang A Pemohon menuntut pengiraan terperinci bagi kedua-dua pinjaman dengan menunjukkan bukti-bukti berikut iaitu –

- a) Pengiraan faedah dan baki pinjaman berdasarkan kepada pinjaman yang sebenarnya dikreditkan ke dalam akaun Pemohon iaitu RM34,501.00 bagi Pinjaman 1 dan RM8,500.00 bagi Pinjaman 2;
- b) Jumlah faedah dan wang pokok yang telah dibayar sehingga penyelesaian melalui pemotongan ANGKASA bagi setiap bulan bermula dari tarikh pinjaman dikredit sehingga tarikh penyelesaian.

Setelah Pemohon mengambil pinjaman ini, Pemohon mendapati bahawa dia perlu membuat bayaran ansuran yang agak tinggi dan dia juga amat terperanjat bila jumlah yang dia pinjam sebanyak RM42,600.00 berbeza dengan jumlah yang dia terima dalam banknya sebanyak RM34,501.00. Pemohon telah diberitahu oleh Encik Jude Hilary iaitu Pegawai RCE Marketing bila dia menelefon pejabat Responden bahawa perbezaan jumlah tersebut adalah yuran perkhidmatan. Pemohon juga menyatakan bahawa dia telah tertipu apabila potongan dibuat bagi Pinjaman 2 kerana dia telah diberitahu oleh agen Responden Cik Elisa yang datang ke tempat kerjanya bahawa tiada potongan yang akan dibuat bagi Pinjaman 2.

Pemohon telah membuat penyelesaian awal dengan Responden kerana dia telah diberikan pinjaman oleh Bank Islam yang hanya mengenakan kadar faedah 5% berbanding dengan faedah pada kadar 10% yang dikenakan oleh Responden. Pemohon juga tidak puas hati dengan jumlah penyelesaian awal yang dikenakan oleh Responden tetapi oleh kerana tanggungan yang terlalu tinggi, dia terpaksa membuat penyelesaian sebelum dia dapat menuntut balik jumlah yang terlebih bayar.

Jumlah penyelesaian awal bagi Pinjaman 1 adalah RM50,410.51 dan jumlah penyelesaian awal bagi Pinjaman 2 adalah RM10,937.65. Cek bagi Pinjaman 1 telah dibuat atas nama "RCE Marketing Sdn Bhd" sepertimana yang diminta oleh Responden dalam suratnya bertarikh 28.10.2010 seperti di Lampiran 6.4 Borang A. Manakala cek bagi penyelesaian Pinjaman 2 dibuat atas nama "Koperasi Wawasan Pekerja-Pekerja Berhad" sepertimana yang diminta dalam surat Responden bertarikh 27.10.2010. Kedua-dua cek ini telah dihantar ke alamat yang sama iaitu di Tingkat 18, Bangunan AmAnsurance bagi menyelesaikan kedua-dua Pinjaman Pemohon. Pemohon telah menerima resit yang dikemukakan di Lampiran 6.6 dan 6.7 Borang A. Resit di Lampiran 6.6 dikeluarkan oleh RCE Marketing Sdn Bhd dengan surat iringan yang ditandatangani oleh Encik Jude Hilary dan Ng Peng Shen atas kepala surat Responden. Dalam resit tersebut alamat RCE Marketing Sdn Bhd dinyatakan sebagai Tingkat 20, Bangunan AmAnsurance. Resit di Lampiran 6.7 dikeluarkan oleh Responden dan surat iringan juga atas kepala surat Responden dan ditandatangani oleh Johnson Liaw Cheong Lun dan Farhath Banu Bt V. Mohamed.

Sepanjang perjalanan kes ini tiada seorang pun ALK Responden yang hadir walaupun diminta menghadiri prosiding di Tribunal ini bagi pihak Responden. Dibalikannya Peguam Responden menyatakan bahawa 2 orang pekerja iaitu Puan Lim Poh Yan Pengurus Bahagian Pinjaman dan Encik Shafik Ramesh Abdullah Pengurus Perhubungan Operasi telah hadir bagi pihak Responden. Walaupun Tribunal ini telah memberitahu Peguam Responden bahawa yang diperlukan hadir bagi pihak Koperasi adalah salah seorang ALKnya, Peguam Responden telah tidak mengendahkan permintaan Tribunal ini. Peguam Responden tetap memberitahu Tribunal ini bahawa kedua-dua pekerja tersebut boleh mewakili Responden. Tambahan lagi Peguam Responden juga menyatakan bahawa dia telah menghadiri kes ini sebagai wakil Responden dan dia telah dilantik oleh Responden sebagai Peguamnya. Peguam Responden juga menyatakan bahawa dia mempunyai arahan daripada anak guamnya dan jika Tribunal ini memerlukan kehadiran anak guamnya, dia meminta supaya permintaan Tribunal ini direkodkan dalam nota prosiding.

Semasa prosiding tersebut, Tribunal Koperasi ini memang telah menyatakan bahawa ianya terperanjat dengan apa yang dikatakan oleh Peguam Responden kerana Peguam Responden memang tidak tahu akan prosidur dan tanggungjawabnya kerana mengikuti arahan anak guamnya tanpa menghiraukan arahan munasabah Tribunal ini.

Tribunal telah tidak mahu menangguhkan pendengaran kes pada hari tersebut bagi mengelak dari menimbulkan kesulitan kepada Pemohon dan pembaziran masa serta kos oleh Tribunal ini. Pemohon adalah seorang guru dan menghadapi kesulitan dalam mengambil cuti daripada sekolahnya dan murid-murid sekolah juga akan menghadapi masalah tanpa guru mereka. Namun kes tersebut telah diteruskan supaya keadilan dapat dicapai, bah kata pepatah Inggeris, "justice delayed is justice denied".

Responden telah tidak mengemukakan sebarang keterangan dalam kes ini. Tiada pun seorang saksi dipanggil olehnya walaupun pada mulanya dia ada memberitahu Tribunal ini bahawa dia mempunyai 2 orang saksi. Kemudian dia telah memfailkan penyata saksi bagi seorang saksinya, iaitu Encik Shafik Ramesh Abdullah. Akan tetapi Peguam Responden telah membuat pilihan untuk tidak memanggil mana-mana orang sebagai saksinya dan Peguam Responden telah memohon agar kes ini diteruskan dengan penghujahan sahaja setelah pemeriksaan semula SP1 iaitu Pemohon sendiri.

Di sepanjang kes ini, Responden telah tidak mengemukakan sebarang dokumen yang menunjukkan bahawa dia mempunyai hak untuk membuat potongan kepada Tribunal ini. Di mukasurat 1 dan 2 ikatan dokumen Responden iaitu R2 ada ditunjukkan bahawa Pemohon telah mengizinkan Responden menolak pembayaran yang dinyatakan di bawah ini daripada pinjaman yang telah diluluskan oleh Responden kepadanya. Mengikut Pemohon perkara-perkara yang disebutkan adalah

- 1) Pembayaran “Liabiliti” dan Risiko (Koperasi) 12%,
- 2) Pembayaran Koperasi, Pelindungan Pinjaman, Guaman, Kos Pentadbiran, Dokumentasi, Risiko Tempoh (Grace Period Interest) 4%,
- 3) Bayaran Perkhidmatan oleh Cawangan Koperasi 3%.

Mengikut Responden mukasurat 1 dan 2 R2 telah memberi hak kepadanya untuk membuat potongan kerana mukasurat 1 dan 2 R2 adalah surat-surat yang ditandatangani oleh Pemohon sendiri. Dibaliknyanya hujahan Pemohon adalah bahawa wang tersebut telah ditahan oleh Responden dan perlu dibayar balik kepadanya. Walaupun Pemohon telah menelefon Pegawai Responden beberapa kali, Pemohon dirujuk kepada pegawai RCE Marketing Sdn Bhd yang enggan memberi penjelasan yang munasabah dan memberitahunya bahawa potongan-potongan tersebut adalah untuk yuran perkhidmatan. Menurut soalan 17 dan 18 dan jawapan kepada soalan-soalan tersebut di P1, Pemohon tidak pernah diberitahu secara terperinci mengenai kos berhubungan dengan pinjaman atau kos sampingan perjanjian dan begitu juga bagi pengiraan jumlah penyelesaian dalam jawapan kepada soalan 19, P1 Pemohon menyatakan bahawa Responden tidak pernah memberikan sebarang sijil pernyataan akaun kepadanya. Oleh itu Pemohon memohon supaya dibayar balik wang pembayaran lebih bagi menyelesaikan pinjamannya seperti berikut

Pinjaman	Jumlah Pinjaman	Penyelesaian pada 19.11.2010	Pembayaran Lebih
Pinjaman 1	RM42,600.00	RM50,410.51	RM7,810.51
Pinjaman 2	RM10,500.00	RM10,937.65	RM 437.65
		Jumlah Keseluruhan	RM8,248.16

17. S: Sila rujuk dan baca Klausula 3.1(ix)?.

Klausula 3.1 (ix) : “Anggota dengan ini bersetuju dan membenarkan Koperasi menolak segala kos-kos berhubung dengan kesempingan Perjanjian dan kos-kos lain dari jumlah Pinjaman tersebut dan mengeluarkan bakinya sahaja kepada anggota”.

Adakah KOWAJA memberitahu apakah itu kos Perjanjian dan kos-kos lain?

J: Tidak pernah.

18. S: Sila rujuk Perjanjian dan baca Klausula 3.1(xv)?

Klausula 3.1 (xv): “Anggota bersetuju untuk menanggung rugi Koperasi terhadap segala kos, perbelanjaan, prosiding, tuntutan, penalty, ganti rugi dan liabiliti yang dialami dan dikeluarkan oleh Koperasi”.

Adakah KOWAJA pernah memberitahu Puan secara terperinci apa-apa berkenaan kos, perbelanjaan, prosiding, tuntutan, penalty, ganti rugi dan liabiliti yang dialami dan dikeluarkan oleh KOWAJA?

J : Tidak pernah.

19. S: Sila rujuk Klausula 12 dan baca?

Klausula 12: “adakah dengan ini dipersetujui bahawa sijil pernyataan akaun (sijil hutang) secara bertulis yang menunjukkan jumlah hutang Anggota yang disahkan oleh pegawai Koperasi atau mana-mana badan yang telah menerima serah hak daripada Koperasi akan menjadi bukti muktamad tentang jumlah hutang terhadap Anggota dalam mana-mana prosiding mahkamah”.

Adakah Puan pernah merujuk sebarang sijil pernyataan akaun (Sijil hutang) dari KOWAJA?

J: Tidak pernah

20. S: Apakah tuntutan Puan?

J:(i) Tuntutan pertama adalah wang perbezaan yang ditahan oleh KOWAJA dipulangkan kepada saya, padahal saya telah menyelesaikan pembayaran balik kedua-dua pinjaman.

<u>Pinjaman</u>	<u>Jumlah Pinjaman</u>	<u>Jumlah sebenar di lepas</u>	<u>Jumlah di tahan</u>
Pinjaman 1	RM42,600.00	RM34,501.00	RM8,099.00
Pinjaman 2	RM10,500.00	RM8,500.00	RM2,000.00
Jumlah tuntutan pertama			RM10,099.00

(ii) Tuntutan Kedua adalah penyelesaian yang lebih di jelaskan apabila pembayaran penuh dibuat.

<u>Pinjaman</u>	<u>Jumlah Pinjaman</u>	<u>Penyelesaian pada 19.11.2010</u>	<u>Pembayaran Lebih</u>
Pinjaman 1	RM42,600.00	RM50,410.51	RM7,810.51
Pinjaman 2	RM10,500.00	RM10,937.65	RM 437.65
Jumlah tuntutan kedua			RM8,248.16

Ini bermakna jumlah keseluruhan yang dituntut adalah **RM18,347.16**